

| | |
|-----------|---|
| Judul | GIST taja 10 pelajar UMS jalani latihan di Korea Selatan |
| Pengarang | Siti Aisyah Narudin |
| Akhbar | Borneo Post |
| Tarikh | 15 Mei 2008 |
| Bahasa | Melayu |
| Mukasurat | 3 |

GIST taja 10 pelajar UMS jalani latihan di Korea Selatan

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

KOTA KINABALU: Gwangju Institute of Science and Technology (GIST) sekali lagi menaja 10 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalani latihan industri selama dua bulan dalam bidang sains dan teknologi di Korea Selatan.

Penyelaras Program Latihan Industri di Gwangju Korea Selatan, Prof. Dr. Jedol Dayou berkata, ini merupakan tahun ketiga UMS menghantar pelajar menjalani latihan industri

di GIST.

Katanya, pada tahun 2006 seramai lima orang pelajar yang terlibat dan tahun berikutnya sembilan pelajar berjaya dihantar ke GIST.

“Latihan ini bertujuan untuk meluaskan lagi pengetahuan pelajar serta menimba pengalaman bekerja di negara Korea Selatan. Ini secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan kerjasama antara pihak UMS dan GIST disamping dapat mendalami kebudayaan di sana,” katanya.

Dr. Jedol berkata demikian

pada sesi Pembentangan Persediaan Latihan Industri UMS-GIST di Bilik Mesyuarat Eksekutif SKTM, UMS kelmarin.

Beliau menambah kedatangan pelajar-pelajar UMS ke GIST adalah sebagai duta dan berharap mereka dapat menjaga imej UMS dalam mempelajari serta mendalami bidang sains dan teknologi.

“Menjalani praktikal di Korea bukanlah suatu perkara yang mudah, namun tidak ada yang mustahil untuk pelajar-pelajar ini mencuba. Saya yakin mereka

mampu mengapikasi pengetahuan yang dipelajari untuk digunakan di sini,” katanya yang juga pernah menjalani latihan industri selama tujuh bulan di Korea.

Sepuluh pelajar yang terpilih ialah dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) dan Sekolah Sains dan Teknologi (SST) UMS akan menjalani latihan industri selama dua bulan di Korea Selatan.

Kesemua pelajar ini telah membentangkan tajuk penyelidikan yang akan dijalankan pada sesi Pembentangan Persediaan Latihan Industri UMS-GIST. Sesi ini berlangsung

selama dua jam di Bilik Mesyuarat Eksekutif, SKTM.

Ketua Rombongan Pelajar, Kow Wei Ylang berkata sesi pembentangan ini bertujuan untuk memperkenalkan para pelajar yang berjaya dipilih untuk latihan industri di Gwangju Institute of Science and Technology (GIST) serta merapatkan hubungan silaturrahim antara pelajar dan pensyarah yang terlibat.

“Seramai lima orang pelajar dari SKTM dan lima lagi dari SST bakal menjalani praktikal di GIST dan kesemua mereka dijangkakan bertolak pada malam 17 Mei ini,” katanya.

Beliau menambah, pihak GIST akan menanggung sepenuhnya perbelanjaan mereka selama berada di sana dengan memberikan elaun sebanyak 300 US Dollar sebulan dan disediakan asrama tempat pelajar menginap.

Antara pelajar yang terlibat ialah Kow Wei Ylang dan Oh Chia Werin dari program Kejuruteraan Komputer (SKTM), Mohd Nor Hafiz dan Fernandez dari Program Kejuruteraan Mekanikal (SKTM), Tang Sook Kwan dari program Kejuruteraan Elektrik (SKTM), Lim Ching Yit, Nelly Liana dan Mohd Firdaus ketiga-tiganya dari program Fizik Elektronik (SST), Jienilee Dilla dari program Sains Sekitaran (SST) serta Saw Pheii Er dari program Bioteknologi (SKTM).